

## **Tinjauan Buku**

### **Etos dan Ekspresi Budaya Melayu**

**Nur Afifah Vanitha Abdullah & Yusmilayati Yunos**

**Bangi: Penerbit UKM, 2018, 166 halaman**  
**ISSBN 9789674124397**

Buku yang bercirikan bidang budaya diterbitkan daripada hasil penyelidikan amat kurang berada di pasaran buku. Satu usaha telah dilakukan untuk mengisi kekurangan buku bersifat budaya. Oleh itu, keperluan itu penting untuk menambahkan lagi buku bidang budaya terutamanya Pengajian Budaya Melayu dan Pengajian Melayu. Buku Etos dan Ekspresi Budaya Melayu lahir daripada pengumpulan hasil penyelidikan yang dilakukan oleh pelbagai sarjana dalam bidang budaya Melayu dan amnya bidang Pengajian Melayu. Buku ini diterbitkan oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2018. Buku Etos dan Ekspresi Budaya Melayu telah disunting oleh Nur Afifah Vanitha Abdullah dan Yusmilayati Yunos. Buku ini mengandungi pelbagai perbincangan yang berkait budaya material, falsafah dan pemikiran, serta ekspresi budaya dalam masyarakat Melayu. Buku ini mempunyai ketebalan halaman berjumlah 166 dan ISSN 9789674124397 yang membicarakan mengenai kehidupan masyarakat dan budaya Melayu. Perbincangan buku ini adalah merupakan kesinambungan, kemampuan, komprehensif dan pelbagai aspek mengenai bidang Pengajian Melayu.

Buku ini bermula dengan perbincangan mengenai etos dalam masyarakat Melayu. Etos ialah satu yang lahir daripada pemikiran dan falsafah Melayu yang mencerminkan nilai murni dalam usaha mewujudkan kesejahteraan hidup. Masyarakat Melayu mempunyai etos yang tersendiri yang diterjemah dan interpretasi melalui alam persekitaran seperti ungkapan alam terbentang menjadi guru yang telah dijadikan panduan oleh masyarakat Melayu. Bab ini berjudul "Etos Melayu: unsur dan perubahan" yang ditulis oleh Muammar Ghaddafi Hanafiah dan Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. Bab ini membicarakan mengenai cabaran yang dialami oleh etos pada setiap zaman dan masa sehingga berlaku perubahan dan pembentukan etos Melayu baharu. Definisi dan konsep etos telah dibincangkan dan dikupas dengan lebih terperinci bagi menjelaskan maksudnya berdasarkan pandangan pelbagai tokoh dalam bidang falsafah dan kemanusiaan. Kepentingan etos dalam masyarakat Melayu adalah suatu yang tidak dapat dielakkan. Etos adalah penerangan kepada sikap atau tingkah laku manusia dalam kehidupan seharian dalam usaha menjaga hubungan antara manusia. Penulisan ini juga membicarakan mengenai etos Melayu berdasarkan kepada perkembangan zaman dan masyarakat Melayu pula daripada sudut tradisional, moden dan kontemporari.

Penulisan ini juga dikait dengan kepentingan dan perubahan yang berlaku pada etos Melayu. Kehidupan Melayu dengan etos adalah amat penting, etos yang membentuk dan membina identiti dan jati diri Melayu. Kelebihan etos Melayu berkait dengan ajaran Islam yang telah dapat mengekalkan kelangsungannya. Namun, perubahan berlaku di arus perdana dan globalisasi yang berlaku di serata dunia telah membentuk satu norma baharu dalam kehidupan masyarakat Melayu. Begitu juga, etos Melayu adalah sama dengan etos bangsa lain yang turut mengalami cabaran dalam pertembungan budaya luar. Budaya Melayu mempunyai sifat dinamik yang secara tidak langsung telah melindungi etos Melayu daripada mudah diserap dan asimilasi dengan budaya luar. Penulisan ini juga menyatakan keperluan dan kesesuaian budaya itu membentuk etos Melayu secara dinamik mengikut acuan dan kehendak masyarakat itu.

Buku Etos dan Ekspresi Budaya Melayu juga membincang mengenai peranan dan fungsi perawat dalam perubatan tradisional masyarakat Melayu. Penulisan ini berjudul “Etos perawat tradisional Melayu”. Masyarakat Melayu mempunyai kepakaran dan kemahiran tinggi dalam dunia perubatan tradisional yang berasaskan daripada jampi mantera, akar kayu, bekam dan urutan. Bagi membincang mengenai perkara tersebut bab ini ditulis oleh Yusmilayati Yunos dan Mohamad Nazri Ahmad. Penulisan ini memberi penekanan terhadap perawat yang berperanan penting dalam dunia perubatan Melayu tradisional. Namun begitu, dunia perubatan Melayu juga mempunyai hubung kait dengan elemen semangat dan makhluk halus. Perkara ini terjadi apabila masyarakat Melayu mengalami pelbagai pertembungan budaya, peradaban dan tamadun. Perkara ini juga telah memberi kelebihan kepada masyarakat Melayu untuk menghasilkan pengubatan mereka sendiri. Bagi melaksanakan proses pengubatan ini memerlukan seorang yang bertindak sebagai perantara atau individu mempunyai kemahiran yang diperolehi daripada pelbagai sumber. Penulisan ini juga menerangkan beberapa panggilan perawat dalam perubatan Melayu tradisional. Panggilan ini berasas kepada kepakaran dan kemahiran yang mereka miliki.

Masyarakat Melayu memanggil perawat ini dengan pelbagai nama mengikut pengetahuan dan kepakaran yang dimiliki perawat iaitu bomoh, pawang, dukun, urut dan bidan. Bomoh dalam masyarakat Melayu ialah individu yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam perubatan Melayu. Bomoh boleh dibahagikan kepada dua iaitu bomoh besar dan bomoh kecil. Bomoh besar pula boleh dibahagikan kepada dua kaedah pengubatan iaitu bomoh yang menggunakan ayat Al-Quran dan bomoh yang menggunakan jampi mantera dan menurun semasa proses perubatan dilakukan. Bomoh kecil pula sering dikait dengan bomoh patah. Manakala pawang pula, orang yang mempunyai kepakaran untuk melakukan sesuatu dengan perkara ghaib dan berkemampuan menggunakan jampi mantera. Dukun ialah individu yang mempunyai kepakaran secara umum hanya mampu mengubati penyakit dengan cara menilik. Dukun juga berkemampuan untuk menghubungkan manusia realiti dengan alam ghaib. Penulisan ini juga menjelaskan mengenai bidan, iaitu individu yang pakar dengan kesihatan wanita terutamanya berkaitan dengan kelahiran bayi. Manakala tukang urut pula merupakan individu yang cenderung kepada aktiviti mengurut urat tersimpul dan badan. Kelebihan perubatan Melayu adalah perawat yang akan menggunakan pelbagai kaedah rawatan mengikut kesesuaian penyakit.

Masyarakat Melayu dan keris tidak dapat dipisahkan. Keris ialah senjata pendek yang mempunyai kelebihan dan peranan serta fungsi yang tersendiri dalam masyarakat Melayu. Selain untuk mempertahankan diri, keris juga berperanan dalam pengubatan dalam masyarakat Melayu. Azlina Musa, Yusmilayati Yunos dan Mohamad Nazri Ahmad telah membincangkan mengenai amalan berkeris dalam perubatan tradisional Melayu di Kelantan. Masyarakat Melayu Kelantan mempunyai pelbagai bentuk tradisi seperti persembahan seni, ukiran, permainan dan pengubatannya. Masyarakat Melayu Kelantan sering mengisi masa lapang dari waktu siang sehingga tengah malam dengan pelbagai aktiviti. Begitu juga pada waktu malam digunakan untuk mengubati penyakit apabila ada permintaan. Semasa pengubatan berlangsung, bomoh, pawang atau dukun sering menggunakan keris seperti keris picit, keris hanuman, kera putih, keris wafak, keris jawa deman dan keris anak alang. Begitu juga semasa pengubatan, mereka akan menggunakan dua jenis keris iaitu keris jantan dan keris betina bergantung kepada keserasian terhadap pesakit dan penyakit.

Masyarakat Melayu Kelantan mempercayai keberkesanan kesembuhan menggunakan keris dalam pengubatan. Kaedah amalan berkeris dalam pengubatan melayu bertujuan untuk mengimbangi kuasa semangat dan makhluk halus melalui semangat besi yang terdapat pada keris. Mengikut kepercayaan mereka, semangat besi terbahagi kepada dua iaitu semangat baik dan semangat jahat. Semangat baik pada besi sering digunakan oleh perawat dalam proses pengubatan berkaitan dengan semangat jahat dan makhluk halus. Begitu juga semasa

proses pengubatan, amalan menggunakan jenis keris berdasarkan jenis penyakit dan kesesuaian atau keserasian. Kebanyakan penggunaan keris dalam proses pengubatan adalah berkaitan penyakit yang bersifat emosi dan perbuatan manusia. Penawarnya melalui kaedah keris yang sesuai dan semasa pengubatan, keris akan direndam dalam air yang telah dijampi. Air rendaman itu dikenali sebagai air tawar kepada penyakit. Bagi memulih penyakit, pesakit diminta minum, mandi dan sapuan air rendaman untuk mengurangkan kesakitan, melega dan menghalau semangat jahat. Penulis ini jelas menerangkan bahawa amalan pengubatan menggunakan keris dapat mempercepatkan kadar kesembuhan penyakit melalui pelbagai ritual dan kaedah rawatan.

Buku ini juga menghuraikan persembahan ritual makan tahun masyarakat Kadayan yang ditulis oleh Nur Afifah Vanitha Abdullah, Zubir Idris dan Shaiful Bahri Md. Radzi. Masyarakat Kadayan ialah kumpulan etnik minoriti di Sarawak yang mendiami di kawasan Sibu. Masyarakat Kadayan tinggal di pesisir pantai yang pamah dan melakukan kegiatan ekonomi pertanian sawah padi. Masyarakat yang begitu kuat berpegang dengan kepercayaan warisan sehingga menjadi legasi kepada generasi muda. Masyarakat yang dikenali mempunyai pelbagai bentuk persembahan tradisi berkait dengan aktiviti pertanian padi. Masyarakat Kadayan sering mengadakan ritual berkaitan dengan pertanian dan telah mengubah suai mengikut ajaran Islam. Masyarakat Kadayan dan aktiviti makan tahun telah sehati dengan identiti dan jati diri mereka. Masyarakat Kadayan melihat persembahan ritual makan tahun dapat mengeratkan kekitaan dan perpaduan antara kalangan mereka terutamanya generasi muda. Keunikan persembahan ritual makan tahun ini dijalankan setahun sekali setelah musim menuai padi.

Masyarakat Kadayan mengadakan perayaan ini bersama upacara ritual dengan harapan pokok padi pada musim akan datang akan dapat menghasilkan benih yang baik dan memberi hasil pengeluaran lumayan. Penulis telah menterjemahkan perayaan ritual makan tahun ini dengan mengaplikasi teori persembahan seni yang diperkenalkan oleh Shechener. Penggunaan teori persembahan seni bagi merujuk proses persembahan ritual itu dilaksanakan iaitu prapersembahan, persembahan dan selepas persembahan atau penutup. Berdasarkan teori itu, penulis telah merangka reka bentuk perbincangan dengan memberi tumpuan kepada kaedah pelaksanaannya. Perbincangan kaedah ini bermula pada aspek keluarga, penganjur, pementasan dan gaya penyusunan pementasannya. Kesemua ini telah dibincang secara terperinci untuk menjelaskan mengenai perlaksanaan dan proses persembahan ritual makan tahun itu. Begitu juga, penulis cuba mengaplikasi teori persembahan seni terhadap persembahan ritual makan tahun dengan menghujahkan berdasar kepada pra persembahan, persembahan dan penutup. Setiap ciri yang terdapat pada ketiga-tiga tahap itu telah diperkatakan dan dibincangkan terutamanya mengenai keperluan pengisian untuk menyempurnakan persembahan ritual makan tahun. Kesimpulan, persembahan ritual makan tahun yang dijalankan oleh masyarakat Kadayan pada saban tahun telah menjadi tradisi dalam usaha untuk mengekalkan dan memelihara adat dan warisan yang mereka miliki. Selain itu, persembahan itu adalah untuk mengikat persaudaraan kalangan mereka serta memperkukuhkan perpaduan bagi mengekalkan kesejahteraan dan kestabilan masyarakat mereka.

Buku ini juga memberi tumpuan penulisan terhadap drama yang pernah ditayangkan di kaca televisyen dan memenangi anugerah. Kekuatan skrip drama dapat diangkat ke kaca televisyen iaitu drama Akhirnya Kisah Perempuan karya Siti Jasmina Ibrahim yang telah berjaya merangkul anugerah drama televisyen terbaik anjuran Radio Televisyen Malaysia (RTM). Selain kekuatan pada skripnya, isu yang diketengahkan mencerminkan masalah sosial yang dihadapi masyarakat bandar masa kini secara realistik. Masyarakat bandar terpaksa mengharungi kehidupan yang penuh cabaran dan saingan dalam pelbagai sudut. Permasalahan yang dialami itu telah mendesak dan memberi tekanan sehingga keadaan tidak

terkawal lalu menghasilkan masalah sosial seperti hubungan keluarga yang renggang, masalah rumah tangga, keruntuhan akhlak, dan hubungan manusia dan tuhan. Kelebihan utama drama ini adalah dapat memberi kesedaran kepada masyarakat bandaran mengenai hubungan manusia dengan tuhan. Kesibukan masa seharian dalam mencari rezeki dan melakukan pelbagai aktiviti menyebabkan hubungan itu semakin renggang jauh dengan tuhan.

Drama ini adalah untuk mengembalikan semula landasan masyarakat bandaran mengenai hubungan manusia dengan tuhan adalah sangat penting. Drama ini menyedarkan manusia mengenai hubungan dengan tuhan tidak boleh dipisahkan iaitu tuhan adalah tempat untuk memohon dan meminta keberkatan dalam kehidupan. Penulis skrip drama ini telah berjaya merangkumkan elemen-elemen itu dengan begitu menarik dan jelas sempurna. Beliau telah mengadakan pemikiran yang diutarakan dalam drama itu dengan elemen plot mudah, penggunaan bahasa yang realistik, watak perwatakan dan latar begitu kemas dan baik. Kemampuan penulis skrip mengadakan semua elemen itu telah berjaya membawa drama ini tampak realistik dan boleh memberi kesan kepada khalayak penonton. Penulis mengangkat watak wanita melalui perjalanan kehidupan pelbagai cabaran dan rintangan setelah kembali ke jalan benar. Kekuatan pada skrip akan memberi kejayaan kepada sesuatu drama yang dihasilkan. Penulisan artikel ini dapat memberi sumbangan yang bermanfaat kepada pengkaji drama, filem dan pembaca mengenai ilmu pengetahuan dalam bidang drama dan filem.

Buku ini juga telah memberi tumpuan kepada perbincangan terhadap warisan budaya. Perkembangan bidang warisan semakin meningkat dengan penglibatan pelbagai pihak terutamanya kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (kini Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya) yang dipertanggungjawabkan kepada agensi Jabatan Muzium Malaysia dan Jabatan Warisan Negara. Perubahan pada peringkat globalisasi, ancaman manusia, cuaca dan fizikal telah memberi kesan amat ketara kepada warisan budaya. Perkara ini juga secara langsung berkait dengan Malaysia, mengenai warisan budaya yang tidak dipulihara dan terpelihara. Jika tidak berikan perhatian dan diambil tindakan sewajarnya boleh menjejaskan warisan budaya. Dalam buku ini membicarakan mengenai perkembangan undang-undang warisan di Malaysia yang ditulis oleh Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. Kandungan bab ini memberi pendedahan dan perbincangan mengenai latar dan keperluan undang-undang warisan di Malaysia. Pada peringkat awal, undang-undang yang berkait warisan ketara dengan merujuk kepada benda purba tanpa memberi perhatian khusus terhadap warisan budaya tidak begitu jelas serta terdapat pertindihan antara undang-undang itu. Perbincangan bermula daripada pengenalan akta berkait dengan kerajaan tempatan dan perancangan bandar dan desa yang berfungsi untuk memberi perlindungan terhadap artifak atau objek bersejarah daripada kemusnahan semasa kerja pembangunan dan pembinaan. Begitu juga dengan beberapa enekmen dan ordinan di beberapa negeri juga dibincangkan untuk memperjelaskan mengenai hubungan undang-undang dengan warisan budaya.

Perkembangan undang-undang berkaitan warisan bagi memastikan warisan budaya ketara dan tidak ketara terlindung dari undang-undang. Bagi menjamin keperluan itu, undang-undang berkait dengan warisan budaya ketara dan tidak ketara telah diambil tindakan dan dikemas kini serta telah diwartakan pada 1976 dengan warta Akta Benda Purba 1976 (Akta 168). Namun begitu, Akta 168 tidak begitu komprehensif dan kurang lengkap menyebabkan banyak landskap warisan telah berlaku pencerobohan dan percurian khazanah negara. Kelompongan dan kelonggaran yang terdapat pada akta itu telah memberikan satu keadaan yang amat merugikan. Begitu juga kelemahan akta ini tidak memberi tumpuan yang khusus terhadap warisan tidak ketara berbanding dengan warisan ketara yang terdiri daripada artifak dan tapak arkeologi. Perkara ini menyebabkan banyak warisan tidak ketara tidak dapat

didaftar kerana pihak lain telah mendaftar mengikut undang-undang di negara mereka. Atas perkara itu telah memberi kesedaran kepada pihak kerajaan tentang keperluan melihat semula undang-undang sebelum itu supaya tidak berlaku kecurian atau telah dipaten oleh negara lain. Perubahan sekali lagi atas keperluan yang dinyatakan oleh UNESCO perlu memastikan perubahan mengikut situasi semasa, akibat situasi yang berlaku di peringkat globalisasi, teknologi maklumat, peperangan, cuaca dan iklim, dan pertelingkahan mengenai artifak warisan. Perkara ini menyebabkan kerajaan telah mengambil tindakan wajar selari dengan Konvensyen Perlindungan Terhadap Warisan Tidak Ketara pada 2003. Pada tahun 2005, pihak kerajaan melalui Jabatan Muzium Malaysia telah berjaya mewartakan undang-undang warisan yang komprehensif dan lengkap yang merangkumi warisan ketara dan tidak ketara dikenali sebagai Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

Buku ini juga membincangkan mengenai perlindungan warisan yang dimainkan oleh pihak kerajaan di bawah agensi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Penulisan ini memberi perhatian terhadap peranan yang dimainkan oleh agensi itu sejajar dengan keperluan kementerian untuk memelihara warisan budaya negara. Ab Samad Kechot memperlihatkan usaha yang dilakukan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dengan merujuk pada peranan jabatan itu dalam memelihara dan memulihara alat muzik tradisional Melayu. Pada peringkat awal, kementerian bertanggungjawab terhadap warisan budaya sentiasa berubah mengikut keperluan semasa dan begitu juga peranan agensi turut sama berubah mengikut perubahan kementerian. Perubahan peranan dan fungsi telah memberi jabatan ini untuk terus menjadi tunjang kepada tanggungjawab melestari dan memartabatkan serta mengangkat warisan budaya ke tahap sepatutnya. Perkara ini menyebabkan jabatan ini menjadi organisasi yang penting dalam usaha memelihara dan memulihara setiap persembahan dan alat muzik tradisional. Begitu juga, jabatan ini menjadi organisasi pengantara di peringkat negeri untuk menyalurkan kos kewangan dan aktiviti. Perkara ini adalah antara usaha untuk memulihara dan memelihara warisan budaya.

Penulis telah membincangkan secara mendalam mengenai peranan jabatan ini daripada empat aspek yang mencerminkan tujahan dan tumpuan peranan agensi ini iaitu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawasan dalam organisasi yang dipertanggungjawab mengelolakan produk seni budaya. Namun begitu, perubahan masa, keperluan dan teknologi telah memberi kesan kepada penggunaan alat muzik dalam persembahan seni. Penggunaan alat muzik tradisional semakin kurang mendapat sambutan, malah sudah tidak diberi perhatian oleh generasi muda menyebabkan alat muzik tradisional kehilangan fungsi dan terpinggir. Akibat kesan itu, pihak jabatan telah memberi tumpuan untuk memelihara dan memulihara dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang berkait dengan alat muzik tradisional. Walaupun telah ada undang-undang berkait dengan warisan yang memberi perlindungan dan pemeliharaan dari segi perundangan. Namun begitu, masih perlu kegiatan secara aktif dan terbuka dengan penyertaan anak muda dalam aktiviti yang dijalankan. Penulis telah memberi penekanan kepada aktiviti yang pernah dan sedang berjalan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dalam konteks pemeliharaan dan pemuliharaan serta tidak mengambil secara keseluruhan program atau aktiviti. Pihak jabatan telah melaksanakan pelbagai aktiviti seperti pendidikan seni budaya dengan mengadakan bengkel, seminar dan demonstrasi seni budaya, program merakyatkan seni, memberi bantuan kewangan kepada pengiat dan pembuat alat muzik dan persembahan, menyediakan prasarana dan mengadakan persembahan seni terutamanya penggunaan alat muzik tradisional secara berkala.

Bab terakhir dalam buku ini juga membicarakan mengenai keperluan untuk memulihara warisan ketara yang boleh menjana pendapatan melalui pelancongan warisan. Bangunan atau monumen yang mempunyai daya tarikan perlu dipulihara untuk tatapan generasi muda, selain merupakan ikon landskap tetap di kawasan ikon itu terletak. Kepentingan pemuliharaan

monumen di Pulau Labuan telah memberi kesan yang mendalam mengenai keperluan untuk mengekalkan dan memberi perlindungan kepada bangunan dan monumen yang lain. Penulisan bab ini menjelaskan proses pemuliharaan daripada peringkat awal sehingga pulihara monumen itu. Bab ini ditulis oleh Nor Azian Sani dan Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff yang berjudul Pemuliharaan Warisan Budaya Ketara. Penulisan ini merujuk kepada Menara Chimney di Labuan yang sebelum itu mengalami kerosakan teruk, kemudian telah dipulihara untuk mengekalkan fungsi serta diangkat sebagai satu ikon produk pelancongan. Penulis telah menjelaskan secara terperinci mengenai konsep dan prinsip pemuliharaan terhadap warisan ketara secara terperinci. Setiap konsep dan prinsip dikait bersama dengan kaedah yang digunakan iaitu pemuliharaan, pengekalan, penyesuaian guna, pengembalian semula dan pembinaan semula sebagai keperluan yang perlu difahami oleh setiap ahli dalam bidang pemuliharaan supaya kerja pemuliharaan itu berjaya dan mencapai matlamat.

Menara Chimney dahulu berfungsi sebagai menara cerobong tempat perbakaran arang batu untuk kegunaan masyarakat tempatan. Perubahan masa dan fungsi telah berubah menyebabkan menara ini terbiar dan mengalami kerosakan akibat cuaca dan haiwan. Menara ini telah mendapat tarikan daripada pihak berkuasa tempatan untuk memulihkannya dan dijadikan produk pelancongan bersama dengan landskap persekitarannya. Tinjauan awal terhadap Menara Chimney telah dilakukan bagi memastikan srtukur binaan asal masih kukuh dan kuat. Pelbagai usaha awal dilakukan bagi kesesuaian Menara itu untuk dipulihara seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa tempatan. Penulis telah membincangkan secara mendalam proses awal sehingga menara itu berjaya dipulihara seperti binaan asal terutamanya penekanan kepada pembersihan dinding menara itu. Dalam penulisan ini juga penekanan kepada beberapa perkara penting yang berkait dengan kerja pemuliharaan iaitu segala kerja pemuliharaan perlu didokumentasikan dan direkodkan supaya maklumat mengenai proses itu dapat dirujuk pada masa hadapan. Ini penting bagi tujuan penyenggaraan dan baik pulih nanti.

Kesimpulan buku ini amat sesuai dijadikan bahan rujukan tambahan mengenai ilmu baharu dalam bidang Pengajian Budaya atau Pengajian Melayu. Kandungan buku ini amat menyeluruh dan padat dengan pengisian pelbagai tema dan tajuk perbincangan yang berkait dengan budaya, seni dan warisan. Perbincangan dan penghuraian setiap bab dalam buku ini jelas menggambarkan mengenai isu yang diutarakan bersifat kontemporari dan semasa. Setiap isu dalam bab buku ini digarap dan disentuh dengan perbincangan yang baik dan jelas untuk disampaikan secara mudah kepada khalayak pembaca. Penyelidik dan pembaca bahan ilmiah mengenai budaya, seni dan warisan akan dapat manfaat yang berguna dengan input yang terkini dalam bidang Pengajian Budaya, Pengajian Persembahan Seni, Pengajian Melayu dan Pengajian Warisan. Hal ini bermakna buku Etos dan Ekspresi Budaya Melayu amat sesuai dimiliki dan disimpan sebagai bahan rujukan terutama mengenai bidang kosa ilmu budaya, seni, warisan, persembahan seni dan ainya Pengajian Melayu.

**Dr. Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff**  
**Kluster Warisan Melayu (Kumpulan Pemuliharaan dan Pemeliharaan)**  
**Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan kebudayaan Melayu**  
**Fakulti Sains Sosial dan kemanusiaan**  
**Universiti Kebangsaan Malaysia.**